

12 OCT 2002

SINGAPURA DIMINTA AGAR TIDAK MEMANDANG RENDAH TERHADAP JIRAN

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Singapura tidak sepatutnya memandang rendah atau mengeksploit jiran dalam menjaga kepentingannya, kata Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Beliau berkata Singapura mungkin lebih mendahului berbanding negara jirannya dari segi pembangunan, tetapi sebagai sebuah negara yang berjiran, ia mesti mengambil kira perasaan orang lain.

Lim mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa Malaysia telah cuba untuk lebih mesra dengan Singapura, tetapi usaha itu tidak disambut balas oleh republik berkenaan.

"Inilah masalahnya dengan kerajaan Singapura...mereka boleh menjaga negara mereka sendiri dan menjadi yang terbaik di dunia ini, tetapi mereka tidak boleh memandang rendah atau tidak mempedulikan kesejahteraan negara jiran mereka," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat kajian bioteknologi Institut Kajian Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini.

Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata Singapura mesti belajar berkongsi dan tidak menggunakan kedudukannya untuk mengeksploit negara jiran yang lain.

-- BERNAMA
AKT AZZ HM